

SIMBOLISME DALAM SENI PERTUKANGAN PERAHU TRADISIONAL MELAYU DI PANTAI TIMUR

**Mohd Rohaizat Abdul Wahab¹, Nik Hassan Shuhaimi Nik Rahman²
Dan Zuliskandar Ramli³**

¹Universiti Putra Malaysia, MALAYSIA.

Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. mrohaizat@gmail.com

²Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. nahas@ukm.my

³Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. zuliskandar@ukm.my

ABSTRAK

Masyarakat di Pantai Timur sangat kaya dengan seni tampak dan seni persembahan yang diwarisi sejak zaman berzaman. Seni ini juga didapati mempunyai persamaan di tiga buah negeri yang berbeza walau pun terdapat jurang perbezaan geografi. Persamaan ini boleh didapati dalam dialek, bahasa, persembahan, binaan dan artifak warisan silam. Kemahiran pertukangan Melayu juga dikuasai oleh masyarakat Melayu di Pantai Timur dan ia juga dihasilkan dengan penuh seni dan bergaya. Artifak seperti perahu, rumah dan perabot masih lagi dapat dilihat sehingga sekarang dan mempunyai nilai seni yang tinggi. Kertas ini bertujuan untuk memaparkan simbol-simbol yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu pada seni pertukangan perahu. Seni ini dapat dilihat pada ukiran dan lukisan yang dihasilkan pada perahu tradisional Melayu di Pantai Timur. Kesenian ini yang bukan sahaja berfungsi sebagai perhiasan dan keindahan malah ia mempunyai perlambangan dan simbolik yang tersendiri. Seni perhiasan yang dihasilkan ini menunjukkan bahawa 3 perkara utama perlu ada dalam kesenian Melayu iaitu fungsi, estetika dan etika. Kepercayaan tentang adanya kuasa ghaib yang memelihara dan menjaga keselamatan mereka di laut dan keupayaan mereka mendapatkan sumber pendapatan daripada hasil laut mendasari penghasilan kesenian perhiasan perahu ini.

Kata kunci : simbolisme, persekitaran, pertukangan, perahu

PENGENALAN

Pengangkutan air merupakan salah satu alat terpenting dalam kebudayaan masyarakat Melayu-Polinesia. Pengetahuan masyarakat Melayu tentang ilmu pelayaran dan aktiviti yang berkaitan dengan samudera sebenarnya telah lama dikuasai oleh masyarakat Melayu dahulu. Menurut Nik Hassan (2002) sejak Zaman Neolitik terutama sekali pada zaman Neolitik Akhir, masyarakat di Pantai Timur telah tahu membina perahu dan tahu menggunakan perahu.

Dalam kebudayaan Melayu di Pantai Timur, perahu sangat digunakan dalam aktiviti seharian sehinggakan masyarakatnya telah menghasilkan pelbagai jenis perahu yang boleh disesuaikan dengan fungsi dan kegunaannya. Misalnya perahu jalur yang bersaiz kecil digunakan di kawasan sungai dan tepian pantai, perahu payang digunakan oleh nelayan di laut dalam, perahu jukung digunakan untuk mengangkut barangan berat.

Penghasilan pelbagai jenis perahu ini juga kerana kemudahan mendapat sumber kayu tropika dan keadaan kedudukan negeri-negeri di Pantai Timur yang berdekatan dengan Laut China Selatan. Lautan ini juga telah memberi sumber hasil yang banyak dan cepat kepada masyarakat nelayan di Pantai Timur. Penghasilan sumber pendapatan yang cepat dan lumayan ini telah menarik minat ramai penduduk di Pantai Timur menceburi bidang penangkapan ikan.

Kesenian dan kerja tangan dalam budaya masyarakat Melayu di Pantai Timur juga sangat dikenali dan mempunyai keunikannya yang tersendiri. Kesenian ini dapat dilihat pada pertukangan rumah Melayu, pertukangan besi, tembaga, tenunan songket, pembuatan batik, pertukangan perahu dan banyak lagi kesenian lain yang dihasilkan oleh masyarakat di Pantai Timur. Dalam penghasilan perahu di Pantai Timur, aspek pemakaian perhiasan perahu amat dititik beratkan oleh masyarakat nelayan. Perahu yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu akan dihiaskan dengan ukiran dan lukisan yang menarik. Antara perhiasan yang digayakan pada perahu adalah ukiran dan lukisan pada linggi, bangau, okok, caping, sangga tengah, sangga kemudi, cagak, koyang dan lukisan pada badan perahu. Walau bagaimana pun kebanyakan perahu tradisional Melayu ini telah mengalami kepupusan disebabkan oleh kemasukan perahu moden yang lebih mudah penyelenggaraannya berbanding perahu yang diperbuat daripada kayu. Menurut Shepard (1970), bermula dari tahun 1955, masyarakat nelayan di Pantai Timur telah beralih penggunaan layar kepada penggunaan enjin dan berlaku satu perubahan besar kepada perhiasan perahu tradisional Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan perahu tradisional Melayu dalam kalangan masyarakat nelayan di Pantai Timur kini kian berkurangan disebabkan desakan arus modenisasi, kesukaran mendapatkan sumber kayu dan kos penyelenggaraan perahu yang tinggi berbanding menggunakan perahu jenis gentian kaca. Keadaan ini mengakibatkan kurangnya permintaan tempahan perahu tradisional dan kehilangan punca pendapatan kepada pengusaha perahu tradisional. Pada masa sekarang, amat sukar untuk melihat perahu tradisional Melayu yang masih digunakan lagi oleh nelayan kecuali beberapa tempat di negeri Kelantan dan Terengganu. Saranan daripada Nik Hassan Shuhaimi (2010) dalam penulisannya supaya perlu ada kajian mendalam terhadap perahu tradisional Melayu bagi memastikan kekayaan budaya tradisi maritim alam Melayu dan ilmu pelayaran Melayu ini dipelihara dan diketahui oleh generasi sekarang. Kajian mengenai hiasan perahu ini juga pernah dilakukan oleh Coatalen P.J. (1982). Dalam kertas kerja ini, perbincangan mengenai simbolisme dan perkaitan yang wujud pada komponen hiasan perahu tradisional Melayu.

Penelitian ini dijalankan secara kualitatif berdasarkan artifak yang diperoleh dari koleksi Muzium Negara, koleksi Muzium Kelantan, koleksi di Galeri Pengangkutan Air Pekan Pahang, koleksi Muzium Terengganu dan beberapa buah perahu yang masih digunakan di Kampung Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual bersama beberapa orang nelayan, pembuat perahu dan pengukir kayu tempatan juga dijalankan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan.

Pengumpulan data-data ini akan dianalisis berdasarkan bentuk, motif dan perkaitan yang wujud pada komponen perhiasan perahu tradisional Melayu.

PERTUKANGAN PERAHU TRADISIONAL MELAYU

Perahu tradisional Melayu ini biasanya digunakan oleh nelayan untuk menangkap ikan, membawa barang dagangan dan sebagai alat pengangkutan. Menurut Firth (1990) terdapat 9 jenis perahu yang digunakan oleh nelayan pesisir pantai di Kelantan dan Terengganu. Manakala Alfred (1997) telah menyenaraikan 12 jenis perahu yang digunakan oleh nelayan pesisir pantai di negeri Pahang.

Penulisan mengenai jenis perahu ini juga telah dilakukan oleh beberapa penyelidik lain seperti Smyth (1902), Gibson-Hill (1954), Mohd Yusof Abdullah (1999) dan Ismail Ahmad (1999). Perahu tradisional Melayu ini kebanyakan mempunyai hiasan ukiran kayu dan lukisan pada linggi, bangau, okok, caping, koyang, cagak, dayung dan badan perahu seperti pada Foto 3.01 di bawah.




Foto 3.01: Komponen Hiasan pada Perahu Buatan Barat

- | | |
|----------------|------------------------------|
| 1. Kepala | 7. Sangga Tengah |
| 2. Okok | 8. Koyang |
| 3. Caping | 9. Sangga Kemudi / Cagak |
| 4. Bangau | 10. Ekor |
| 5. Kong | 11. Papan Edek |
| 6. Papan Leper | 12. Papan Tua / Papan Timbal |

Komponen perhiasan ini dihasilkan oleh tukang perahu dan ada di antaranya dibuat oleh pemilik perahunya sendiri. Komponen ini mempunyai fungsinya tersendiri dan dihasilkan dengan teliti dan berseni.

Misalnya bangau berfungsi sebagai alat penyangga tiang layar dan galah panjang yang digunakan oleh nelayan untuk berlayar dan memasang pukat. Okok atau anak bangau pula digunakan sebagai alat untuk menyangkut tali sauh. Kebiasaannya nelayan akan menanggalkan bangau dan okok apabila perahu berlabuh di darat.

Caping yang terletak di tengah antara bangau dan okok berfungsi sebagai pemegang bangau-okok. Nelayan akan memasang bangau-okok pada bahagian hadapan caping apabila hendak turun ke laut. Caping ini dipasang kekal dan dimatikan dengan lunas perahu dan ditutup dengan Papan Edek. Komponen hiasan ini dijaga dan dipelihara dengan sangat rapi dan penuh pantang larang. Koyang pula digunakan untuk menyangga dayung kemudi perahu. Sangga pula digunakan untuk menyangga galah panjang yang digunakan nelayan. Komponen-komponen ini diukir dan dilukis dengan pelbagai motif dan simbol tertentu yang mempunyai perkaitan dan kepercayaan masyarakat dahulu.

Penggunaan motif pada hiasan perahu

Dalam penelitian ini, beberapa bentuk yang menyerupai imej Hindu-Buddha dijumpai pada komponen hiasan perahu ini. Imej seperti imej 'makara' dapat dilihat pada kepala dan ekor perahu, ukiran motif sulur buyung boleh dijumpai pada setiap hujung kepala bangau. Patung makara ini dapat dilihat pada bahagian hadapan pintu masuk candi Hindu-Buddha yang berfungsi menjaga keselamatan daripada dimasuki roh-roh jahat.

Mengikut mitos dan kepercayaan agama Hindu, makara merupakan sejenis haiwan laut yang digunakan oleh Dewa Vishnu semasa berada di permukaan air (Mohd Sabriaza, 2008).



Foto 3.02: Kepala Perahu



Foto 3.03: Bangau



Foto 3.04: Makara

Imej naga juga sangat ketara digunakan pada banyak komponen hiasan perahu di Pantai Timur. Imej naga banyak dijumpai pada bahagian linggi, bentuk bangau, motif ukiran pada bangau, okok dan lukisan pada badan perahu. Naga merupakan makhluk yang hidup di dalam air, dalam masyarakat Melayu simbol naga adalah sebagai penyelamat dan penjaga bumi. Ia juga melambangkan kesuburan kerana naga menjaga dan hidup dalam keseimbangan air. Naga juga dianggap sebagai penjaga keselamatan nelayan ketika berada di laut. Penggunaan imej naga ini banyak dijumpai pada ukiran bangau di mana ukiran imej naga ini digabungkan bersama motif tumbuh-tumbuhan.



Foto 3.05: Naga I



Foto 3.06: Naga II



Foto 3.07: Naga III



Foto 3.08: Naga IV

Caping adalah sekeping kayu yang dibentuk seperti bujur sirih dan diukir penuh dengan motif tumbuh-tumbuhan yang menjalar. Ia juga digambarkan seperti pohon beringin atau pohon bodhi yang dianggap suci bagi masyarakat Melayu dahulu. Caping ini dipasang secara kekal pada lunas perahu dan tidak dapat dialihkan. Ia juga seperti pohon beringin yang berdiri teguh, kuat dan akarnya juga menjadi pasak bumi. Pohon beringin yang rimbun dan tinggi ini menjadi tempat berteduh pelbagai jenis burung dan tempat berlindung pelbagai haiwan. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu dahulu, pohon beringin menjadi tempat kediaman roh penjaga dan makhluk halus. Dalam amalan masyarakat dahulu, nakhoda atau pawang akan menjalankan upacara menyemah bagi memulihkan semangat perahu dengan menjampi dan menggunakan mayam pinang, mayam kelapa dan sirih pinang dan diletakkan pada bahagian caping perahu (Mohamad Nor, 1989). Masyarakat nelayan menganggap bahawa bahagian caping merupakan bahagian terpenting pada sesebuah perahu kerana ia berfungsi sebagai pelindung dan penjaga keselamatan nelayan.



Foto 3.09: Caping I



Foto 3.10: Caping II



Foto 3.11: Caping III

Imej burung pula sering digunakan dalam kesenian Melayu terutama dalam ukiran hulu keris. Dalam mitos Hindu, burung digunakan oleh Dewa Vishnu sebagai pengangkutan di udara. Burung juga dikaitkan dengan haiwan yang menjadi pesuruh yang setia dan mempunyai kekuatan seperti watak Burung Petalawati dalam cerita Hikayat Ramayana. Menurut Siti Zainon (1985) dalam masyarakat Melayu, burung menggambarkan semangat, kekuatan dan kebanggaan. Burung juga merupakan haiwan pengangkut yang juga dikaitkan dengan simbol rezeki.

Imej bangau pula dikaitkan dengan sifat burung bangau yang handal memerhati dan menangkap ikan. Motif burung banyak dijumpai pada bahagian linggi, bangau, okok, koyang, sangga dan badan perahu.



Foto 3.12: Antara imej burung yang ada pada hiasan perahu

Jumpaannya beberapa bentuk dan motif pada seni pertukangan perahu tradisional Melayu ini dapat di ringkas seperti dalam jadual 1. Penghasilan bentuk dan motif ini adalah kelangsungan daripada kesenian yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Motif berupa geometri, mitos, flora dan fauna menjadi pilihan dalam kesenian di Pantai Timur. Pemilihan motif ini juga adalah berdasarkan etika yang telah lama wujud dalam kebudayaan masyarakat nelayan. Ia juga berkait dengan pantang larang dan amalan ritual yang perlu dilakukan oleh nelayan sebelum dan semasa menjalankan pekerjaan.

Jadual 1: Jenis motif yang digunakan pada komponen hiasan

Komponen Hiasan	Bentuk dan Motif yang digunakan
Linggi	makara, naga, burung, geometri, tumbuh-tumbuhan
Bangau	Burung, bunga, tumbuh-tumbuhan, watak wayang kulit, naga, makara
Okok	Burung, bunga, tumbuh-tumbuhan, watak wayang kulit, naga,
Caping	bunga, tumbuh-tumbuhan, geometri, pohon beringin
Koyang	Burung, watak wayang kulit
Sangga	Burung, naga, tumbuh-tumbuhan
Badan Perahu	Geometri, naga, burung, bunga, tumbuh-tumbuhan, ikan

KESIMPULAN

Kesenian yang dihasilkan dalam pertukangan perahu tradisional Melayu sangat mementingkan kepada tiga perkara utama iaitu fungsi, estetika dan etika. Penghasilan dan pemakaian perhiasan pada perahu sangat diutamakan oleh masyarakat pesisir di Pantai Timur. Masyarakat nelayan percaya bahawa lautan merupakan satu alam yang lain yang didiami oleh makhluk lain dan mereka perlu menghormatinya.

Berdasarkan jumpaan beberapa imej yang menjadi simbolik kepada perhiasan perahu ini, motif daripada kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha banyak digunakan. Penghasilan seni pertukangan pada perahu tradisional ini memberi makna dan falsafah yang tersendiri. Ia juga diadun dengan kepercayaan kepada kuasa luar yang boleh memberi keselamatan dan rezeki kepada nelayan. Simbolisme dan perlambangan ini membentuk satu persekitaran kerja masyarakat nelayan harmonis tetapi tidak mentauhidkan kepada Allah. Apabila agama Islam diterapkan kepada masyarakat pesisir di Pantai Timur, kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang ilmu kesenian yang diharuskan oleh Islam. Kepercayaan dan keyakinan kepada kuasa luar selain daripada Allah SWT telah ditinggalkan. Atas kesedaran tersebut, banyak perubahan telah dilakukan oleh tukang perahu dan pengukir kepada alat perhiasan perahu tradisional. Penggunaan bentuk dan motif seperti tumbuh-tumbuhan, kaligrafi Islam, geometri, corak abstrak yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam telah digunakan dalam kesenian pertukangan perahu tradisional. Penemuan imej bukan Islam ini bukan untuk menolak dan menyalahkan masyarakat Melayu dahulu tentang amalan dan kepercayaan yang dilakukan tetapi ia dapat memberi teladan dan kesedaran kepada masyarakat sekarang tentang kesenian Melayu.

RUJUKAN

- Alfred, E.R. (1997). *The Boats of Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Coatalen, P.J.(1982). *The Decorated Boats of Kelantan*. Penang: Penerbit USM.
- Gibson-Hill, C.A.(1954). The Boats of Local Origin Employed in the Malayan Fishing Industry. *J.Malay Br. Roy. Asiat. Soc.* 27(2), 145-174.
- Firth, R. (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka*. (Yaacob Harun & Noor Hasnah Moin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1966).
- Mohamad Nor Mat (1989). *Perahu Tradisi Terengganu*, (Unpublished) Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Sabrizaa Abd Rashid. (2008). *Evolusi Bentuk Dan Makna Pada Ragam Hias Dalam Seni Bina Tradisional Melayu*. Paper presented at *National Seminar Science, Technology, Social Sciences 2008* (STSS 2008). Pahang, Malaysia.
- Mohd Yusof Abdullah. (1999). *Pengangkutan Air di Terengganu*. Paper presented at Seminar Peranan Maritim di Terengganu. Terengganu, Malaysia.
- Mubin Sheppard. (1970). Spirit of the Bangau. *Strait Times Annual 1969*: 70-72.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2002). Sejarah Kelantan Sebelum Long Yunus – Satu Gambaran Umum. In Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (Eds), *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah* (pp. 1-14). Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2010). Seni Ukir Melayu Sebagai Hiasan pada Perahu Tradisional di Semenanjung Malaysia. In Zawiyah Baba (Eds). *Warisan Seni Ukiran Melayu*. (pp. 117-127). Bangi: Institut Tamadun dan Alam Melayu.

Siti Zainon Ismail. (1985). *Getaran Jalur dan Warna*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Smyth, H.W. (1902). Boats and Boat Building in the Malay Peninsula. *Journal of the Society of Arts*, Vol. L(2): 570-588.

(Rosli, Personal communication, May 2014).

(Mat Senik, Personal communication, June 2014).

(Latif Long, Personal communication, June 2014).